

13/12/1997

Pemulihan kegawatan cara Malaysia

LANGKAH yang diumumkan oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin untuk menangani kemelut ekonomi negara dilihat oleh sesetengah pemerhati sebagai tindakan paling tegas dan berani yang belum pernah dirumuskan dalam masa satu dekad lalu. Bahkan ada pemerhati menganggap langkah Anwar itu sebagai sama tegasnya dengan program pemulihan IMF tetapi bercirikan Malaysia. Sekali gus Anwar berjanji mengurangkan perbelanjaan kerajaan sebanyak 18 peratus, membatasi import dan pinjaman bank dan memperlahan kadar pertumbuhan ekonomi daripada tujuh peratus kepada empat hingga lima peratus pada tahun depan.

Langkah itu diakui memang drastik tetapi sepatah kata Anwar, langkah-langkah seumpama itu mustahak 'kalau kita hendak menolong diri kita sendiri'.

Langkah itu segera berkesan pada pasaran saham dan nilai ringgit kerana reaksi rakyat adalah positif. Penganalisis dan pakar-pakar ekonomi asing umumnya menganggap langkah-langkah itu sebagai pernyataan kesungguhan Malaysia untuk menangani kemelut ekonomi negara secara realistik dan berani. Mereka menganggap langkah itu dapat membatasi kemerosotan ekonomi negara terutama meningkatkan daya ketahanan Malaysia untuk menghindarkan nasib seperti Thailand dan Indonesia daripada dijadikan 'anak angkat' IMF.

IMF adalah momok yang ditakuti kerana manakala sesebuah negara terjebak ke dalam perangkap IMF, negara terbabit tidak lagi mempunyai kebebasannya untuk mengatur pertumbuhannya sendiri. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa Malaysia sedapat mungkin akan berusaha untuk tidak meminta pertolongan IMF. Beliau memberikan tiga alasan mengapa pertolongan IMF amat penting dihindarkan. Pertama, bank-bank kita akan dikuasai oleh bank-bank asing, kedua kadar wang faedah akan ditingkatkan dan ketiga cukai akan dinaikkan yang tentunya akan membebankan rakyat.

Tambahan pula tidak ada jaminan ubat yang diberikan oleh IMF akan mujarab kepada pesakit yang dirawatnya. Ubat IMF tidak selalu mujarab. Dalam keadaan demikian adalah lebih realistik kalau kita sendiri mengikhtiarkan ubat untuk diri kita sendiri sekalipun ubat itu pahit kerana kita yang mengerti jenis penyakit kita. Anwar sendiri tidak berselindung menyatakan betapa tenatnya penyakit kita hidapi. Contohnya kemelut ekonomi Thailand, Indonesia dan sekarang Korea Selatan wajar menginsafkan kita betapa penyakit kita sekiranya tidak segera dirawat akan menjadi lebih tenat.

Korea yang tiga dekad lalu adalah sebuah negara mundur berkembang pesat menjadi negara yang ke-11 kekuatan ekonominya di dunia. Korea yang biasanya mempunyai pertumbuhan ekonomi pada kadar tujuh peratus kini diduga hanya akan berkembang menurut kadar tiga peratus. Menurut berita akhbar syarikat-syarikat gergasi Korea bergelar 'chaebol' kini mengalami krisis yang amat parah. Banyak syarikat itu dikatakan akan gulung tikar atau muflis. Kadar pengangguran akan meningkat dan ini akan mencetuskan masalah-masalah sosial.

Langkah tegas kerajaan yang diumumkan oleh Anwar kelmarin akan mengukuhkan lagi asas ekonomi kita tetapi untuk mengatasi kemelut ekonomi kita, banyak lagi masalah rumit yang perlu ditangani dan diatasi. Apa yang penting ialah kebulatan tekad dan kesungguhan untuk menangani masalah-masalah itu betapa rumit dan sensitif sekalipun masalah-masalah itu. Apa yang kini menjadi perhatian pelabur asing ialah kesungguhan dan tekad kita

menangani masalah-masalah yang kita hadapi serta adakah dasar kita terus konsisten, tidak berubah mengikut musim. Keyakinan pelabur asing sebahagian besarnya bergantung kepada dasar dan pendekatan kita yang konsisten, telus dan terbuka.

Sudah tentu kenyataan yang kita hadapi ialah krisis ekonomi negara berkait erat dengan gelora yang melanda ekonomi rantau ini dan juga negara di Asia Timur seperti Korea dan Jepun. Apa yang berlaku kepada nilai rupiah dan baht berkesan kepada nilai ringgit kita. Demikian juga sebaliknya. Krisis ekonomi rantau kita hanya boleh diatasi bersama dengan negara-negara serantau tetapi sebahagian besar daripada masalah kita hanya dapat diatasi oleh kita sendiri.

Faktor terpenting yang berupa ciri kekuatan kita ialah kepemimpinan negara yang mantap dan sokongan rakyat terhadap kepemimpinan kerajaan. Sikap kerajaan menolak pertolongan IMF mendapat sokongan bulat pembangkang. Langkah-langkah yang diumumkan oleh Anwar kelmarin pun mendapat sokongan padu segenap lapisan rakyat.

Sekarang dan beberapa waktu akan datang, kita harus berganding bahu dan menyingsing lengan bekerja sebagai satu barisan yang padu menangani cabaran getir yang terletak di hadapan kita.

Sekiranya kita tidak dapat menerima rawatan IMF, kita tidak ada pilihan lain kecuali merawat diri kita sendiri. Dengan demikian walau pahit sekali pun rawatan kita, sekurang-kurangnya kita dirawat oleh doktor kita sendiri.

Harga diri dan maruah kita tidak terjejas barang sedikit pun. Kita akan menjadi tuan di tanah air kita sendiri. Sudah tentu cabaran getir itu menuntut pengorbanan setiap kita. Kita terpaksa menyesuaikan cara hidup kita kepada keadaan yang serba kekurangan.

(END)